

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

FEBRUARI/MAC 2001

RAK 552 – AMALAN PROFESIONAL SENI BINA

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan.

Jawab **SATU SOALAN** dari setiap **Bahagian A, B dan C** dan Pilih **DUA** soalan lagi dari **Bahagian A, B dan C**.

**BAHAGIAN A**

1. Sebagai sebuah badan pertubuhan profesional, Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) telah mengadakan beberapa perundangan untuk memastikan ahli-ahlinya bertanggungjawab penuh terhadap perkhidmatan yang diberikan. Ini termasuklah 'PAM Code of Professional Conduct'.

Terangkan secara terperinci apakah dia yang dimaksudkan 'PAM Code of Professional Conduct'.

( 20 MARKAH )

2. Huraikan aspek pemasaran dalam praktis senibina.

( 20 MARKAH )

**BAHAGIAN B**

3. Dengan berpandukan PAM 'Code of Professional Conduct & Practice', huraikan dengan ringkas perkara-perkara berikut:

- i. Mendapatkan Projek
- ii. Menjalankan Projek
- iii. Menguruskan Projek

( 20 MARKAH )

4. Pemaju perumahan berhasrat melantik firma anda untuk memajukan sebidang tanah pertanian seluas 50 ekar di Pulau Pinang untuk tujuan projek perumahan pelbagai jenis dan beberapa jenis bangunan perniagaan.

- i. Tuliskan sepucuk surat kepada pemaju tersebut untuk memberi penerangan dan mendapatkan pengesahan tentang skop kerja yang akan dilakukan.
- ii. Terangkan dengan ringkas proses-proses yang harus dilalui untuk mendapatkan Kelulusan Merancang bagi projek di atas.

( 20 MARKAH )

**BAHAGIAN C**

5. Bincangkan secara ringkas apa yang dimaksudkan kenyataan-kenyataan berikut:

- a) Penawaran tender bagi sesuatu kontrak tidak hanya berasaskan kepada tawaran yang terendah.
- b) Perlunya mengenakan wang cagaran tender (tender deposit) bagi sesuatu tawaran.
- c) Setelah dikaji, tawaran-tawaran yang telah dihadkan senarai (shortlist) tidak diertikatakan sebagai tender terhad.
- d) Pertimbangan dan sikap adil dan terbuka tidak semestinya membetulkan jumlah harga akhir atas kesilapan perkiraan.

( 20 MARKAH )

6. Bincangkan apakah yang anda fahamkan dengan implikasi dan kandungan atas perkara-perkara berikut:
- a) Tarikh lanjutan masa
  - b) Tarikh tanggungan kecacatan
  - c) Insuran dan Bon Pelaksanaan
  - d) Sijil Siap Kerja Kontrak

( 20 MARKAH )

- 00000000 -